



Migrasi bandar-bandar di Malaysia: Kajian kes Wilayah Koridor Ekonomi Pantai Timur

Mohd Fadzil Abdul Rashid¹, Suharto Teriman¹, Wan Rabiah Wan Omar¹, Mohd Roswodi Mat Zin¹

¹Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA, Kampus Seri Iskandar, 32610 Seri Iskandar, Perak, Malaysia

Correspondence: Mohd Fadzil Abdul Rashid (email: abrfazil@gmail.com)

Abstrak

Tahap pembangunan di sesebuah negara atau wilayah lazimnya dicerminkan oleh tahap pembandaran yang berlaku. Tahap pembandaran ini pula adalah sangat berkait rapat dengan tahap migrasi yang berlaku sama ada migrasi luar bandar ke bandar atau bandar ke bandar. Malaysia kini sedang mengalami kepesatan aliran migrasi bandar-bandar yang dipengaruhi oleh kemajuan pembangunan semasa di Malaysia. Sekarang ini, aliran migrasi menjadi lebih dinamik disebabkan oleh aktiviti-aktiviti pembangunan di kawasan-kawasan koridor ekonomi di seluruh Malaysia. Kajian ini meneliti senario migrasi bandar-bandar di Wilayah Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) berasaskan kepada data bancian 2000 dan 2010, dan data mikro kajian soalselidik yang melibatkan 361isi rumah. Hasil kajian menunjukkan migrasi berlaku di ECER meskipun peratusannya adalah amat rendah. Ianya adalah didominasi oleh golongan muda yang masih belajar dan baru menceburi bidang pekerjaan. Sebagai sebuah wilayah ekonomi yang sedang membangun, kawasan-kawasan di ECER dijangkakan bakal menerima jumlah migrasi bandar-bandar yang lebih tinggi sama ada oleh penduduk baharu mahupun migran yang akan kembali ke tempat asal.

Katakunci: migrasi bandar-bandar, migrasi belia, migrasi desa-bandar, pembangunan bandar, pembangunan wilayah, perubahan demografi

Urban-to-urban migration in Malaysia: A case study of the East Coast Corridor Economic Region

Abstract

A country's or a region's economic development is manifested by the prevailing level of urbanisation. This level of urbanisation is in turn related to the prevailing and potential rates of migration whether rural- to -urban or urban- to -urban migration. Currently, Malaysia is experiencing a phenomenon of rapid urban-to-urban migration streams influenced by the current development progress in Malaysia. The migration flows are more dynamic due to the existence of various development activities along the economic corridors throughout Malaysia. This study examined the scenario of urban-to-urban migration streams in the East Coast Corridor Economic Region (ECER) based on the 2000 and 2010 censuses data and primary data gathered from a field survey of 361 local households. The findings revealed that migration occurs in the ECER albeit mildly. It was predominantly a youth driven migration comprising students and fresh job seekers. As a development driven region the ECER localities were expected to receive sizable numbers of urban-to-urban migrants involving both new arrivals and returnees.

Keywords: demographic changes, regional development, rural-to-urban migration, urban development, urban-to-urban migration, youth migration

Pengenalan

Migrasi merupakan suatu fenomena tingkah laku yang dialami oleh semua negara di seluruh dunia. Selalunya pola dan kadar migrasi sangat berkait rapat dengan tahap urbanisasi yang dialami oleh sesebuah negara (Mohd Fadzil, 2010). Negara-negara maju seperti Jepun, Australia, New Zealand dan Singapura yang telah mencapai tahap urbanisasi melebihi 80% mengalami pola dan kadar migrasi yang lebih seimbang berbanding dengan negara-negara sedang membangun dan kurang membangun. Situasi ini adalah digambarkan oleh kadar purata pertumbuhan penduduk bandar yang rendah sehingga menghampiri sifar berikutan tiada sumbangan yang signifikan oleh migrasi. Sebaliknya, bandar-bandar utama di negara sedang membangun seperti Filipina, Indonesia, Vietnam, Thailand dan termasuklah Malaysia merekodkan kadar purata pertumbuhan penduduk tahunan yang masih tinggi iaitu melebihi 2%. Hal ini menunjukkan adanya sumbangan yang signifikan oleh migrasi terutama migrasi luar bandar ke bandar dan bandar ke bandar.


Dalam tempoh 2000-2010, Malaysia sebagai contoh, telah mencatatkan kadar purata pertumbuhan tahunan sebanyak 2.17%. Kadar ini adalah secara langsung disumbangkan oleh kadar peratusan pertumbuhan di bandar-bandar utama di Malaysia terutama bandar-bandar di dalam kawasan wilayah Lembah Klang seperti Subang Jaya (5.1%), Petaling Jaya (3.6%), Shah Alam (3.5%) dan Klang (2.8%). Bandar-bandar ini pada masa yang sama merupakan destinasi-destinasi migrasi yang terpilih di Malaysia (Malaysia, 2014; Mohd Fadzil dan Ishak, 2014). Keadaan ini disebabkan oleh keputusan tingkah laku migrasi yang didorong oleh faktor-faktor ingin mengubah kehidupan kepada yang lebih baik yang ditawarkan oleh bandar-bandar utama (Mohd Fadzil, 2013 dan 2014).

Kertas kerja ini meneliti senario migrasi bandar-bandar di luar dari kawasan Wilayah Lembah Klang iaitu di ECER. Ini bagi mengenal pasti tren penyerakan migrasi semasa di ECER dan hubungannya dengan tahap pembangunan di sana. Untuk tujuan itu, data migrasi bandar-bandar yang melibatkan aliran migrasi di dalam kawasan-kawasan ECER dan kawasan-kawasan luar termasuk dari kawasan Wilayah Lembah Klang diambil kira. Selain itu, penelitian ini turut melibatkan analisis data soalselidik isi rumah di ECER bagi menjelaskan tren dan ciri-ciri migrasi, dan hubungannya dengan status pembangunan semasa di ECER.

Senario migrasi di Malaysia

Sejak dua dekad yang lalu, senario migrasi di Malaysia didominasi oleh pola migrasi bandar-bandar. Situasi ini sebenarnya tidak hanya berlaku di Malaysia, malahan di kebanyakan bandar-bandar metropolis di Asia Tenggara seperti Jakarta, Bangkok dan Manila (Katiman et al., 2010; Drakakis-Smith 2000). Pola migrasi sebegini mulai tercetus di bandar-bandar utama di dalam metropolitan Wilayah Lembah Klang seperti Subang Jaya, Petaling, Shah Alam, Kajang dan seumpamanya dan merebak ke bandar-bandar baharu yang menempatkan aktiviti-aktiviti industri kompetitif dan berdaya saing. Ini termasuklah di kawasan-kawasan wilayah koridor ekonomi di seluruh negara seperti Wilayah Koridor Ekonomi Utara (NCER), Wilayah Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Iskandar Malaysia (IM). Pola migrasi ini kemungkinan besar melibatkan dua kategori migran iaitu migran di kalangan golongan muda dan migran daripada kalangan mereka yang ingin kembali ke tempat tinggal asal atau dikenali sebagai migrasi terbalik (return migration).

Mengikut statistik laporan bancian penduduk dan perumahan tahun 2010, peningkatan peratusan terbesar pola migrasi bandar-bandar ialah berlaku dalam tempoh 1995-2000 iaitu sebanyak 17.0% (atau 50.1% kepada 67.1%). Pada tempoh 2005-2010, peningkatan hanya 7.3% (iaitu dari 67.1% kepada 74.4%) sahaja. Namun demikian, pola migrasi bandar-bandar mencatatkan peratusan jauh lebih tinggi berbanding dengan tiga pola migrasi yang lain (bandar-luar bandar; luar bandar-bandar; dan luar bandar-luar bandar) yang mencatatkan <30% secara keseluruhannya (rujuk Rajah 1).



Rajah 1. Pola aliran migrasi di Malaysia, 1995-2000 dan 2005-2010

Sekiranya diteliti, senario migrasi seperti Rajah 1 dapat memberi gambaran tentang hubungan migrasi dan tahap urbanisasi di Malaysia. Ianya boleh dirumuskan seperti berikut:

- Tren pembangunan semasa di Malaysia telah merebak keluar dari zon teras di Metropolis Kuala Lumpur ke kawasan-kawasan lain sama ada di dalam Wilayah Lembah Klang dan kawasanya luarnya yang mencetus penyerakan migrasi bandar-bandar;
- Proses kepesatan pembangunan telah mula berlaku di wilayah-wilayah koridor ekonomi di seluruh negara sehingga memajukan kawasan-kawasan di dalam lingkungan pembangunan. Situasi ini mencetus aliran migrasi bandar-luar bandar dan sekaligus berupaya menghalang migrasi luar bandar-bandar; dan
- Senario aliran migrasi semasa adalah seiring dengan tahap urbanisasi dan peralihan demografi di Malaysia yang menuju kestabilan (iaitu penurunan kadar migrasi di masa depan). Rujuk Mohd Fadzil (2010) untuk meneliti perbincangan lanjut berkenaan dengan hubungan migrasi dan tahap urbanisasi dan peralihan demografi.


Berasaskan kepada senario di atas, kadar migrasi bandar-bandar dijangkakan akan terus meningkat di masa depan dan ianya dipelopori oleh faktor pemilihan destinasi migrasi untuk mendapatkan ruang dan peluang bagi memperbaiki kualiti kehidupan (Katiman et al., 2010; Mohd Fadzil, 2013; Clemens et al., 2014) sama ada untuk diri sendiri mahupun keluarga (Dustmann, et al., 2011). Sebagai tambahan, mereka akan didominasi oleh golongan umur belia yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi, bermotivasi serta mempunyai tahap mobiliti yang tinggi seiring dengan kepesatan di dalam teknologi perhubungan semasa. Kertas kerja ini akan mengemukakan penemuan-penemuan penting tentang senario migrasi bandar-bandar dan ciri-cirinya berasaskan kepada penelitian di ECER.

Kaedah penelitian

Penelitian ini melibatkan data migrasi daripada Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2000 dan 2010, dan kajian empirikal melalui soalselidik terhadap isi rumah. Soalselidik tersebut mengguna pakai kaedah persampelan sistematik bagi memilih isi rumah (sampel) di kawasan persampelan yang dikenal pasti melalui teknik persampelan kluster multi-peringkat. Sebanyak 361 isi rumah yang terlibat sebagai sampel. Perbincangan seterusnya didahului dengan pengenalan kepada kajian kes.

Kajian kes: Wilayah Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER)

ECER merupakan satu daripada lima wilayah koridor ekonomi Malaysia dan telah dilancarkan pada tahun 2007. Wilayah ini mempunyai keluasan 66,000 kilometer persegi iaitu 51% daripada keluasan keseluruhan Semenanjung Malaysia. Ianya meliputi 3 negeri di wilayah pantai timur Semenanjung Malaysia iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan dimasukkan juga satu daerah daripada Johor iaitu daerah Mersing. Pada tahun 2010, bilangan penduduk di ECER menghampiri 4 juta orang yang mewakili 14% daripada jumlah penduduk Malaysia. Bandar-bandar utama di ECER termasuklah Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuantan yang merupakan ibu negeri masing-masing kepada Kelantan, Terengganu dan Pahang (Rajah 2).



Rajah 2. Kawasan ECER dan lokasi bandar-bandar utama di pesisiran pantai

ECER diasaskan kepada lima pemacu ekonomi utama (key economic drivers) iaitu pertanian, pelancongan, minyak, gas & petrokimia, pendidikan dan pembuatan. Sebahagian besar sumber-sumber pemacu ekonomi ini wujud di sepanjang pesisiran pantai dan ia berpusat di zon ekonomi utama (SEZ, Special Economic Zone) yang bermula dari Kerteh, Terengganu sehingga Pekan, Pahang. Projek-projek ekonomi utama yang telah berkembang maju di ECER termasuklah industri minyak, gas & petrokimia di Kerteh, industri automotif di Pekan, Pahang, dan industri pelancongan di sepanjang pesisiran pantai dari Mersing sehinggalah ke Bachok, Kelantan. Oleh kerana ECER masih didominasi oleh kawasan-kawasan pertanian, terdapat sumber-sumber utama yang belum dimanfaatkan sepenuhnya serta pembangunan infrastruktur yang masih lemah khususnya dari aspek sistem perhubungan, maka ECER masih kekal sebagai sebuah wilayah kurang membangun dengan tahap pembandaran kurang 50%. Bagaimanapun, pelan induk pembangunan ECER yang mensasarkan pembangunan sehingga 2020 dijangkakan bakal mengubah corak dan intensiti pembangunan di ECER serta akan memberi impak perubahan dan peningkatan taraf hidup serta ciri-ciri demografi penduduk.

Maka, penelitian terhadap elemen migrasi di ECER terutama selepas hampir 8 tahun pelaksanaan projek-projek induk ECER (projek-projek yang dicadangkan ini boleh merujuk kepada pelbagai sumber secara atas talian mahupun bahan bercetak), ia bakal memberikan penemuan yang menarik kepada bidang kajian migrasi dan pembangunan bandar di Malaysia amnya.

Data migrasi

Data migrasi yang digunakan ialah data aliran migrasi bandar-bandar di antara negeri atau kawasan di ECER dan negeri-negeri lain yang menjadi origin-destinasi migrasi utama di Malaysia. Seperti yang dinyatakan, dua tempoh data yang diambil kira iaitu tempoh migrasi 1995-2000 dan 2005-2010. Data ini dikenali sebagai migrasi seumur hidup (life time migration) yang melibatkan perubahan tempat tinggal (dahulu dan semasa) dalam tempoh 5 tahun dari tarikh bancian dilakukan. Data-data ini kemudiannya dibangunkan di dalam jadual matrik yang menunjukkan aliran jumlah migrasi bandar keluar-masuk dari kawasan yang diteliti (rujuk Jadual 1a dan 1b). Seterusnya data ini dianalisis mengguna pakai kaedah ‘Multiplicative Component Model’ (MCM) bagi menilai tahap interaksi migrasi bandar-bandar di antara negeri-negeri ECER dan negeri-negeri luar yang terpilih.

Jadual 1a. Data matrik migrasi bandar-bandar di dalam kawasan ECER dan negeri terpilih, 1995-2000

Origin	Destination								Total (Out)	%
	OT	JOH	KEL	PAH	TER	PEN	SEL	F.T.KL		
A. Observed flows										
OT	-	200,212	31,601	79,299	50,157	138,639	384,953	139,636	1,024,497	44.5
JOH	199,323	-	933	3,087	1,600	1,476	14,650	5,330	226,399	9.8
KEL	34,747	2,962	-	2,688	1,852	2,257	12,321	4,295	61,122	2.7
PAH	78,688	2,582	1,409	-	2,371	864	11,570	4,278	101,762	4.4
TER	50,993	1,840	1,493	3,235	-	630	5,669	1,805	65,665	2.8
PEN	132,955	1,277	298	769	387	-	4,869	92	140,647	6.1
SEL	348,422	4,559	1,301	4,058	2,252	2,351	-	26,738	389,681	16.9
F.T.KL	143,641	9,291	2,008	5,258	2,719	4,320	127,538	-	294,775	12.8
Total (In)	988,769	222,723	39,043	98,394	61,338	150,537	561,570	182,174	2,304,548	-
%	42.9	9.7	1.7	4.3	2.7	6.5	24.4	7.9	-	100.0

Sumber: Malaysia, 2004.

Nota: OT=negeri lain dalam Malaysia; JOH=Negeri Johor; KEL=Negeri Kelantan; PAH=Negeri Pahang; TER=Negeri Terenggan; PEN=Pulau Pinang; SEL=Negeri Selangor; dan F.T.KL=Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jadual 1b. Data matrik migrasi bandar-bandar di dalam kawasan ECER dan negeri terpilih, 2005-2010

Origin	Destination								Total (Out)	%
	OT	JOH	KEL	PAH	TER	PEN	SEL	F.T.KL		
A. Observed flows										
OT	-	122,234	45,705	57,271	39,867	138,954	588,308	121,575	1,113,914	45.1
JOH	132,085	-	1,458	2,703	1,116	1,895	17,293	3,626	160,176	6.5
KEL	52,193	929	-	2,211	1,796	2,586	12,535	2,288	74,538	3.0
PAH	59,275	1,227	1,589	-	1,637	1,093	12,940	2,404	80,165	3.2
TER	42,166	569	1,857	3,165	-	962	5,895	1,145	55,759	2.3
PEN	136,088	559	535	836	359	-	6,282	1,148	145,807	5.9
SEL	552,071	2,997	2,704	5,736	2,088	2,919	-	23,854	592,369	24.0
F.T.KL	134,542	3,959	2,571	4,168	1,532	4,383	96,053	-	247,208	10.0
Total (In)	1,108,420	132,474	56,419	76,090	48,395	152,792	739,306	156,040	2,469,936	-
%	44.9	5.4	2.3	3.1	2.0	6.2	29.9	6.3	-	100.0

Sumber: Malaysia, 2014.

Nota: OT=Negeri lain dalam Malaysia; JOH=Negeri Johor; KEL=Negeri Kelantan; PAH=Negeri Pahang; TER=Negeri Terenggan; PEN=Pulau Pinang; SEL=Negeri Selangor; dan F.T.KL=Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Jadual 1a dan 1b menunjukkan data matrik migrasi yang dibangunkan bagi tujuan analisis tahap interaksi migrasi mengguna pakai kaedah ‘Multiplicative Component Model’ (MCM). MCM adalah satu kaedah yang dibangunkan oleh Raymer dan Roger (2005) yang boleh diguna pakai bagi mengukur tahap interaksi migrasi di antara kawasan-kawasan yang dinilai. Mohd Fadzil et al., (2012) ada membincangkan kaedah ini secara lebih terperinci. Penelitian kertas kerja ini adalah kepada hasil interaksi origin-destinasi (atau kawasan-kawasan dalam ECER dan negeri-negeri terpilih) di mana tahap interaksi migrasi adalah diukur berasaskan nilai nisbah di antara aliran asal (*observed flows*) dan nilai jangkaan (*expected flows*). Nilai nisbah yang tinggi menunjukkan tahap interaksi tinggi dan sebaliknya. Negeri-negeri terpilih iaitu Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pemilihan ini adalah berasaskan kepada tren migrasi semasa di Malaysia yang banyak bertumpu ke negeri-negeri ini. Data migrasi bandar bagi negeri-negeri lain di Malaysia turut diambil kira di dalam pembangunan data matrik ini bagi menunjukkan aliran penuh migrasi bandar di dalam kawasan ECER dan negeri-negeri di Malaysia.

Perbincangan di sini tidak akan menyentuh secara terperinci mengenai data migrasi pada Jadual 1a dan 1b kerana ianya akan dibincangkan nanti berasaskan kepada penemuan analisis daripada MCM. Secara ringkasnya, dalam konteks ECER, Jadual 1a dan 1b menunjukkan Kelantan, Pahang dan Terengganu mengalami migrasi bersih keluar bagi kedua-dua tempoh penelitian iaitu 1995-2000 dan 2005-2010. Bagaimanapun, tren peratusan migrasi masuk ke Kelantan dari tempoh 1995-2000 ke 2005-2010 menunjukkan peningkatan iaitu 0.6% (1.7% kepada 2.3%) dan ia telah berlaku sebaliknya kepada Pahang dan Terengganu dengan masing-masing -1.2% (4.3% kepada 3.1%) dan -0.7% (2.7% kepada 2.0%). Dalam konteks Malaysia, pada tempoh yang sama, bilangan migran adalah meningkat dari 4 juta kepada 4.2 juta, tetapi kadar migrasi berbanding total penduduk Malaysia telah menurun 2.7% (17.8% kepada 15.1%) (Malaysia, 2014).

Seterusnya, penelitian ini turut melibatkan analisis tingkah laku migrasi di ECER dan ciri-cirinya yang berasaskan kepada kajian soalselidik isi rumah. Bagaimanapun, penelitian di sini tidak sangat terperinci dan hanya memberi tumpuan kepada analisis ciri-ciri demografi dan sosio-ekonomi, dan ciri-ciri migran termasuk ahli isi rumah yang bertukar tempat kediaman sama ada telah berhijrah keluar dari kawasan ECER ataupun bertukar tempat kediaman di dalam kawasan ECER. Akhirnya, kedua-dua bentuk penelitian ini akan merumuskan senario migrasi bandar-bandar di ECER dan hubungannya dengan tren pembangunan semasa di sana.

Interaksi migrasi bandar-bandar di dalam kawasan-kawasan ECER dan negeri-negeri terpilih

Jadual 2a. Interaksi migrasi bandar-bandar di dalam kawasan ECER dan negeri terpilih, 1995-2000 berasaskan kepada MCM

Destination Origin	Level of spatial interaction									Total (O)	% (O)
	OT	JOH	KEL	PAH	TER	PEN	SEL	F.T.KL			
OT	0.000	2.022	1.821	1.813	1.839	2.072	1.542	1.724		0.445	44.5
JOH	2.052	0.000	0.243	0.319	0.266	0.100	0.266	0.298		0.098	9.8
KEL	1.325	0.501	0.000	1.030	1.138	0.565	0.827	0.889		0.027	2.7
PAH	1.802	0.263	0.817	0.000	0.875	0.130	0.467	0.532		0.044	4.4
TER	1.810	0.290	1.342	1.154	0.000	0.147	0.354	0.348		0.028	2.8
PEN	2.203	0.094	0.125	0.128	0.103	0.000	0.142	0.008		0.061	6.1
SEL	2.084	0.121	0.197	0.244	0.217	0.092	0.000	0.868		0.169	16.9
F.T.KL	1.136	0.326	0.402	0.418	0.347	0.224	1.776	0.000		0.128	12.8
Total (D)	0.429	0.097	0.017	0.043	0.027	0.065	0.244	0.079		2,304,548	-
Percent (D)	42.9	9.7	1.7	4.3	2.7	6.5	24.4	7.9		-	100.0

Nota: OT=Negeri lain dalam Malaysia; JOH=Negeri Johor; KEL=Negeri Kelantan; PAH=Negeri Pahang; TER=Negeri Terenggan; PEN=Pulau Pinang; SEL=Negeri Selangor; dan W.P.KL=Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Hasil pengiraan ke atas data-data migrasi (Jadual 1a dan 1b) mengguna pakai kaedah MCM, maka keputusan tahap interaksi migrasi di antara kawasan-kawasan ECER dan negeri-negeri terpilih bagi tempoh 1995-2000 dan 2005-2010 dipaparkan seperti Jadual 2a dan 2b.


Jadual 2b. Interaksi migrasi bandar-bandar di dalam kawasan ECER dan negeri-negeri terpilih, 2005-2010 berasaskan kepada MCM

Destination Origin	Level of spatial interaction								Total (O)	% (O)
	OT	JOH	KEL	PAH	TER	PEN	SEL	F.T.KL		
OT	0.000	2.046	1.796	1.669	1.827	2.017	1.764	1.728	0.451	45.1
JOH	1.838	0.000	0.398	0.548	0.356	0.191	0.361	0.358	0.065	6.5
KEL	1.560	0.232	0.000	0.963	1.230	0.561	0.562	0.486	0.030	3.0
PAH	1.648	0.285	0.868	0.000	1.042	0.220	0.539	0.475	0.032	3.2
TER	1.685	0.190	1.458	1.843	0.000	0.279	0.353	0.325	0.023	2.3
PEN	2.080	0.071	0.161	0.186	0.126	0.000	0.144	0.125	0.059	5.9
SEL	2.077	0.094	0.200	0.314	0.180	0.080	0.000	0.637	0.240	24.0
F.T.KL	1.213	0.299	0.455	0.547	0.316	0.287	1.298	0.000	0.100	10.0
Total (D)	0.449	0.054	0.023	0.031	0.020	0.062	0.299	0.063	2,469,936	-
Percent (D)	44.9	5.4	2.3	3.1	2.0	6.2	29.9	6.3	-	100.0

Nota: OT=Negeri lain dalam Malaysia; JOH=Negeri Johor; KEL=Negeri Kelantan; PAH=Negeri Pahang; TER=Negeri Terengganu; PEN=Pulau Pinang; SEL=Negeri Selangor; dan W.P.KL=Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


Berasaskan kepada keputusan di Jadual 2a dan 2b, penelitian lanjut akan bertumpu kepada interaksi-interaksi migrasi di antara kawasan-kawasan di dalam ECER dan negeri-negeri terpilih yang memperoleh nilai nisbah ≥ 0.5 (nilai-nilai nisbah tersebut telah ditandakan dengan warna hijau). Sesuai dengan fokus penelitian, tahap interaksi migrasi di antara negeri-negeri terpilih tidak akan dibincangkan di sini tetapi akan dibincangkan pada kertas kerja yang lain.

Bagi memudahkan kefahaman terhadap interaksi-interaksi migrasi yang berlaku, keputusan pada Jadual 2a dan 2a telah diilustrasikan dan ditunjukkan seperti Rajah 3a dan 3b.



Rajah 3a. Corak aliran dan tahap interaksi migrasi bandar-bandar di ECER dan negeri-negeri terpilih, 1995-2000

Berasaskan kepada Rajah 3a dan 3b, didapati corak aliran dan interaksi migrasi di dalam kawasan-kawasan ECER dan negeri-negeri terpilih amat mudah difahami. Kedua-dua tempoh 1995-2000 dan 2005-2010 mengalami corak aliran yang hampir sama dan tidak perbezaan yang ketara. Dalam tempoh 21995-2000, interaksi-interaksi migrasi yang kuat hanya berlaku di antara kawasan-kawasan di dalam ECER, dan kawasan-kawasan ECER secara keseluruhannya hanya bertindak sebagai kawasan origin yang menolak migrasi keluar ke destinasi-destinasi di negeri-negeri terpilih. Pada tempoh ini, migran dari Kelantan telah keluar ke semua negeri-negeri terpilih sehingga ke Johor dan senario ini tidak berlaku kepada Terengganu dan Pahang. Tahap interaksi migrasi di antara kawasan-kawasan ECER dan negeri-negeri terpilih adalah agak setara iaitu dengan nilai nisbah ≥ 0.5 dan ≤ 1.0 .



Rajah 3b. Corak aliran dan tahap interaksi migrasi bandar-bandar di ECER dan negeri-negeri terpilih, 2005-2010

Kemudiannya, pada tempoh 2005-2010, didapati corak dan interaksi migrasi di antara kawasan-kawasan di dalam ECER masih kekal kuat terutamanya Kelantan dan Terengganu, dan Terengganu dan Pahang. Pada tempoh ini, interaksi migrasi keluar dari Kelantan ke Johor tidak lagi ketara. Senario yang menarik ialah wujudnya interaksi dua hala yang kuat di antara Kelantan dan W.P. Kuala Lumpur, dan Pahang dan W.P. Kuala Lumpur. Selain itu, telah berlakunya penduduk dari Johor memasuki Pahang. Ini bermakna, Kelantan dan Pahang telah mendahului Terengganu sebagai destinasi-destinasi migrasi yang berpotensi atau kuat. Senario ini dijangkakan akan berlaku berterusan di masa depan dan Terengganu juga bakal menarik migrasi yang lebih ramai, impak daripada projek-projek pembangunan semasa yang giat dilaksanakan di sana.

Daripada corak aliran dan tahap interaksi migrasi yang dibincangkan ini, ia memberikan suatu gambaran yang menarik tentang keunikan tingkah laku migrasi dan hubungannya dengan dengan aktiviti-aktiviti pembangunan. Kawasan-kawasan yang mempunyai peluang ekonomi dan pelbagai bentuk pembangunan secara langsung akan menarik migrasi masuk. Maka, tidak boleh dinafikan bahawa migrasi bukan sekadar sebagai elemen pertumbuhan penduduk, bahkan ianya menjadi indikator kepada

pembangunan. Perbincangan lanjut di bahagian seterusnya adalah tentang ciri-ciri migran di ECER dan serba sedikit rumusan terhadap hubungan migrasi dengan aktiviti-aktiviti pembangunan.

Ciri-ciri migran

Analisis ciri-ciri migran ini adalah berasaskan kepada data daripada soalselidik isi rumah di 10 unit kawasan persampelan yang dipilih mengguna pakai teknik kluster multi-peringkat. 10 kawasan ini mewakili lima kluster pemacu ekonomi di ECER yang berada di sepanjang pesisiran pantai timur dari Pekan, Pahang sehingga Bachok, Kelantan. Ia termasuklah Peramu/ Pahang Tua, Kuala Pahang, Charating/ Beserah, Cukai/ Kemasek/ Kijal, Kertih, Kuala Dungun/ Paka, Kenyir/ Kuala Berang, Kuala Besut/ Tembila, Tok Bali/ Semerak dan Bachok/ Tangok (Jadual 3).

Jadual 3. Jumlah sampel yang dikutip mengikut kawasan persampelan

Kawasan Persampelan	Jumlah	%
Peramu/ Pahang Tua	54	15.0
Kuala Pahang	28	7.8
Cherating/ Beserah	28	7.8
Cukai/Kemasek/Kijal	36	10.0
Kertih	46	12.7
Kuala Dungun/ Paka	63	17.5
Kenyir/Kuala Berang	34	9.4
Kuala Besut/Tembila	27	7.5
Tok Bali/Semerak	25	6.9
Bachok/Tangok	20	5.5
Total	361	100.0

Daripada 10 unit kawasan persampelan tersebut, sebanyak 361 sampel (isi rumah) yang berjaya disoalselidik dan sampel-sampel tersebut dipilih berasaskan kepada teknik persampelan sistematik. Saiz sampel di setiap kawasan persampelan ditentukan atau diagihkan berasaskan kepada jumlah keseluruhan isi rumah, di mana kawasan yang mempunyai isi rumah yang tinggi serta menjadi tumpuan pembangunan semasa akan mempunyai jumlah sampel yang lebih besar dan sebaliknya pula bagi kawasan persampelan yang mempunyai jumlah isi rumah yang kecil. Seperti Jadual 3, Kuala Dungun/ Paka, Peramu/ Pahang Tua, dan Kertih diagihkan sampel yang lebih besar, dan sebaliknya Bachok/ Tangok dan Tok Bali/ Semerak adalah rendah. Selain itu, ciri-ciri atau kriteria pemilihan kawasan-kawasan turut mengambil kira taman-taman perumahan baharu iaitu kurang dari 10 tahun, selain kampung-kampung tradisi/ nelayan. Perbincangan analisis ini didahului dengan pengenalan kepada responden.

(i) Profil responden

Majoriti responden adalah terdiri daripada ketua isi rumah iaitu 65.7%, diikuti oleh isteri (26.9%) dan ahli isi rumah lain (7.5%). Isteri dan ahli isi rumah lain turut disoalselidik bila mana ketua tidak berada di rumah dan ini adalah sebahagian dari kekangan ketika soalselidik dijalankan. Gender responden adalah 69.8% lelaki dan 30.2% perempuan yang seiring dengan kategori responden. Dari segi etnik, diketahui bahawa majoriti etnik di ECER adalah daripada Melayu, maka majoriti responden yang terpilih iaitu 78.7% adalah isi rumah Melayu, diikuti Cina (19.1%) dan India (2.2%).

Sebahagian besar responden adalah dari lingkungan umur dari 35-54 tahun iaitu (54.3%). Lingkungan umur dari 35 dan ke bawah ialah 21.3% dan umur 54 dan ke atas sebanyak 24.4% (termasuk 7.5% dari lingkungan umur lebih 64 tahun). Ini menggambarkan adanya unsur-unsur migrasi yang berlaku di ECER didominasi oleh golongan muda. Bagaimanapun, masih tidak ketara dari segi peratusannya. Dilihat dari segi tempat kelahiran asal responden, kedapatan bahawa 29.6% responden sahaja yang lahir bukan di

tempat tinggal biasa sekarang. Selebihnya iaitu 79.9% adalah lahir di mukim atau daerah di tempat tinggal sekarang

Dari segi taraf pendidikan, majoriti responden mempunyai kelayakan pendidikan di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau setaraf dan ke bawah iaitu 79.7%, diikuti lepasan universiti (17.8%) dan ada juga yang tidak bersekolah (2.5%). Berikutan itu, hampir majoriti responden adalah bekerja sendiri iaitu 41.0%. Responden yang bekerja di sektor swasta pula didapati mengatasi sektor kerajaan dengan masing-masing 21.9% dan 19.1%. Jenis industri pekerjaan pula adalah pelbagai dan ianya dipelopori oleh industri berkaitan pertanian/penternakan/ perikanan dan perniagaan/ pemborongan iaitu 37.1%, diikuti perkhidmatan (22.7%), pembuatan dan pembinaan (14.7%) dan pendidikan (7.8%).

Sehubungan itu, berasaskan kepada profil ringkas responden, boleh dikatakan bahawa struktur ekonomi di ECER masih didominasi ciri-ciri kawasan luar bandar. Keadaan ini secara langsung akan mempengaruhi kadar migrasi di ECER kerana migrasi adalah suatu masalah keputusan yang sangat dipengaruhi oleh faktor spatial-ekonomi atau pembangunan.

(ii) Status dan ciri-ciri migran

Seperti yang dinyatakan di atas, hasil penelitian mendapati bahawa hanya 29.6% daripada responden yang boleh dikategorikan sebagai migran. Ini berdasarkan kepada perbezaan tempat kelahiran dengan tempat tinggal biasa sekarang. Perbezaan ini melibatkan dua keadaan iaitu mereka yang membuat pertukaran tempat tinggal di dalam kawasan-kawasan ECER, dan mereka yang berasal dari negeri lain dan sekarang ini menetap di ECER.

Walaupun peratusan migran adalah kecil iaitu 0.3:1 berasaskan kepada nisbah migran dan bukan migrasi, ianya menunjukkan bahawa tren migrasi telahpun berlaku di ECER. Situasi ini dijangka dari awal lagi berasaskan kepada tren dan tahap pembangunan semasa di ECER. Berbanding dengan Wilayah Lembah Klang sebagai contoh, wilayah ini telah menerima jumlah migran dengan nisbah 8:1 berbanding dengan bukan migran (Mohd Fadzil, 2010) impak dari kepesatan urbanisasi dan pembangunan yang berlaku di sana. Penemuan ini adalah disokong oleh penemuan analisis tahap interaksi migrasi sebelum ini yang mendapati tren aliran migrasi bandar-bandar di ECER semakin mudah difahami di mana Kelantan dan Pahang mulai menerima jumlah migrasi yang tinggi khususnya daripada W.P. Kuala Lumpur. Perbincangan lanjut di bahagian ini akan membutirkan ciri-ciri asas migran di ECER yang menarik untuk dipaparkan.

Kawasan tumpuan migrasi

Didapati bahawa migran berasal dari kawasan luar ECER mengatasi peratusan migran dalaman iaitu masing-masing 60.7% dan 39.3%. Semua kawasan di ECER menjadi destinasi migrasi dan Kertih merupakan destinasi migrasi yang tertinggi iaitu 17.8%, diikuti Cukai/ Kemasek / Kijal (16.8%) dan

Jadual 4. Kawasan tumpuan semasa migrasi di ECER

	Kawasan Tumpuan Migrasi										
	Peramu/ Pahang Tua	Kuala Pahang	Cherating/ Beserah	Cukai/ Kemasek /Kijal	Kertih	Kuala Dungun/ Paka	Kenyir/ Kuala Berang	Kuala Besut/ Tembila	Tok Bali/ Semerak	Bachok/ Tangok	Total
MDE	8	1	2	5	6	3	10	3	3	1	42
	7.5%	0.9%	1.9%	4.7%	5.6%	2.8%	9.3%	2.8%	2.8%	0.9%	39.3%
MLE	9	8	9	13	13	7	2	2	1	1	63
	8.4%	7.5%	8.4%	12.1%	12.1%	6.5%	1.9%	1.9%	0.9%	0.9%	60.7%
Total	17	9	11	18	19	10	12	5	5	2	107
%	15.9	8.4	10.3	16.8	17.8	9.3	11.2	4.7	3.7	1.9	100.0

Nota: MDE=Migrasi di antara kawasan-kawasan ECER; MLE=Migrasi dari kawasan luar ECER

Peramu/ Pahang Tua (15.9%) (Jadual 4). Kawasan-kawasan ini adalah terletak di dalam zon ekonomi utama (nadi pembangunan) ECER yang menjadi tumpuan aktiviti pembuatan (automotif), pelancongan dan minyak, gas & petrokimia.

Kawasan-kawasan lain khususnya yang berteraskan kepada sektor pertanian sebagai sektor utama lebih rendah menerima migran sebagai contoh di Bachok/ Tangok, Tok Bali/ Semerak dan Kuala Besut/ Tembila (rujuk Jadual 4 & 5). Situasi ini menyokong pernyataan-pernyataan di atas yang menyatakan migrasi dipengaruhi oleh faktor tahap pembangunan atau peluang-peluang ekonomi.

Jadual 5. Kluster pemacu ekonomi utama semasa di setiap kawasan persampelan

Kawasan Persampelan	Jenis Kluster Pemacu Ekonomi Utama
Peramu/ Pahang Tua	Pembuatan
Kuala Pahang	Pertanian & Pendidikan
Cherating/ Beserah	Pelancongan & Pertanian
Cukai/Kemasek/Kijal	Pembuatan & Pelancongan
Kertih	Minyak, Gas & Petrokimia
Kuala Dungun/ Paka	Pelancongan, Pendidikan & Pembuatan
Kenyir/Kuala Berang	Pertanian & Pelancongan
Kuala Besut/Tembila	Pertanian, Pelancongan & Pendidikan
Tok Bali/Semerak	Pertanian, Pelancongan & Pembuatan
Bachok/Tangok	Pertanian, Pelancongan & Pendidikan

Sumber: Laporan tahunan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (2012) dan observasi di tapak, 2014

Ciri-ciri demografi

Ciri-ciri demografi migran yang mencakupi aspek gender, umur, etnik, taraf perkahwinan dan taraf pendidikan ditunjukkan pada Jadual 6. Paparan tersebut hanya menunjukkan ciri-ciri utama sahaja berasaskan kepada peratusan tertinggi.

Jadual 6. Ciri-ciri demografi asas migran di ECER

Demografi Asas		MDE	MLE	Total
		%	%	%
Gender	Lelaki	21.5	38.3	59.8
Linkungan umur	35-44 tahun	15.9	12.1	28.0
	25-34 tahun	7.5	14.0	21.5
Etnik	Melayu	32.7	44.9	77.6
	Cina	4.7	15.9	20.6
Taraf perkahwinan	Berkahwin	31.8	46.7	78.5
	Bujang	5.6	9.3	15.0
Taraf pendidikan	SPM/STPM/STAMP	15.0	18.7	33.7
	Menengah rendah	8.4	13.1	21.5

Nota: MDE=Migrasi di antara kawasan-kawasan ECER; MLE=Migrasi dari kawasan luar ECER

Daripada Jadual 6, didapati bahawa majoriti gender migran adalah lelaki (59.8%). Mereka berada pada linkungan umur 35-44 tahun dan 25-34 tahun iaitu menghampiri majoriti (49.5%). Majoriti migran adalah dari kaum Melayu dan berkahwin iaitu masing-masing 77.6% dan 78.5%. Akhirnya dari segi taraf pendidikan, sebahagian besar migran hanya mempunyai mempunyai kelulusan STPM dan ke bawah (55.2%). Ini akan mempengaruhi ciri-ciri sosio-ekonomi migran terutama dari segi pekerjaan dan pendapatan.

Ciri-ciri sosio-ekonomi

Ciri-ciri sosio-ekonomi pula ditunjukkan pada Jadual 7. Ramai migran bekerja sendiri dengan menceburi aktiviti-aktiviti ekonomi berasaskan perniagaan/ perusahaan. Selain itu, ramai juga yang terlibat dengan

sektor swasta. Rata-rata migran memperoleh pendapatan hanya dari RM1,501-RM3000 sebulan iaitu 37.4%. Tidak sedikit pula jumlah migran yang boleh dikategorikan ke dalam kelas kemiskinan relatif kerana mempunyai pendapatan <RM900 sebulan iaitu 36.4%. Seperti yang dinyatakan di atas, jenis pekerjaan dan kelas pendapatan ini sangat dipengaruhi oleh tahap pendidikan migran.

Walaupun mempunyai jumlah pendapatan bulanan yang agak rendah, majoriti migran memiliki rumah sendiri iaitu 60.7%. Sebahagian besar mereka menetap di kawasan pekan (54.2%), diikuti kawasan pinggiran bandar (29.0%). Didapati ramai juga migran yang tinggal di kawasan perkampungan biasa (17.8%) dan mereka ini kemungkinan besar adalah dari kalangan migran yang kembali ke kampung halaman.

Jadual 7. Ciri-ciri sosio-ekonomi migran di ECER

Sosio-Ekonomi		MDE	MLE	Total
		%	%	%
Sektor pekerjaan	Bekerja sendiri	11.2	18.7	29.9
	Swasta	13.1	13.1	26.2
Jenis industri	Perniagaan/ pemborongan	11.2	15.0	25.4
	Perkhidmatan	9.3	11.2	20.6
Kelas pendapatan	RM1501-RM3000	15.9	21.5	37.4
	<RM900	11.2	25.2	36.4
Status pemilikan kediaman	Sendiri	28.0	32.7	60.7
	Sewa	11.2	25.2	36.4
Ciri-ciri lokasi kawasan tempat tinggal	Dalam pekan/ pusat bandar	21.5	32.7	54.2
	Pinggiran bandar/ pekan	10.3	18.7	29.0
	Perkampungan biasa	6.5	11.2	17.8
	Tempoh menetap	9 tahun dan ke atas	26.2	32.7
	1-8 tahun	13.1	28.0	41.1

Nota: MDE=Migrasi di antara kawasan-kawasan ECER; MLE=Migrasi dari kawasan luar ECER

Sebahagian besar migran (58.9%) telah menduduki di ECER lebih 9 tahun. Tidak kurang juga jumlah migran iaitu 41.1% yang tinggal di ECER dalam tempoh pelaksanaan projek-projek ECER sejak tahun 2007 (iaitu dalam tempoh 1 hingga 8 tahun). Jumlah peratusan ini menunjukkan bahawa proses kemajuan yang berlaku impak daripada pelaksanaan projek-projek ECER telah berjaya menarik migrasi masuk ke ECER. Situasi ini dijangkakan akan berlaku dengan lebih pesat di masa depan.

Ciri-ciri migran keluar daripada ahli isi rumah

Jadual 8. Peratusan ahli isi rumah yang tinggal bersama dan telah keluar

	% Ahli Isi Rumah Yang Tinggal Bersama	% Ahli Isi Rumah Yang Telah Keluar	% Total
Peramu/ Pahang Tua	12.6	1.4	14.0
Kuala Pahang	7.9	0.2	8.1
Cherating/ Beserah	7.2	0.2	7.4
Cukai/Kemasek/Kijal	9.0	1.4	10.4
Kertih	13.3	1.3	14.6
Kuala Dungun/ Paka	13.2	0.6	13.8
Kenyir/Kuala Berang	10.0	1.6	11.6
Kuala Besut/Tembila	5.8	0.6	6.5
Tok Bali/Semerak	6.6	0.4	6.9
Bachok/Tangok	6.0	0.7	6.7
Total	91.6	8.4	100.0

Bahagian ini meneliti ciri-ciri ahli isi rumah yang terlibat dengan tingkah laku migrasi keluar. Daripada data menunjukkan bahawa semua kawasan yang ditinjau telah mengalami migrasi keluar yang terdiri daripada ahli-ahli isi rumah (Jadual 8). Namun demikian, peratusannya adalah sangat kecil iaitu 8.4% secara keseluruhannya.

Ciri-ciri demografi dan sosio-ekonomi ahli isi rumah yang berhijrah keluar adalah ditunjukkan seperti Jadual 9. Didapati bahawa gender ahli-ahli isi rumah yang keluar adalah hampir sekata di antara lelaki dan perempuan iaitu masing-masing 51.4% dan 48.6%. Etnik Melayu hampir mencapai keseluruhan iaitu 91.7%. Mereka ini adalah terdiri daripada lingkungan umur muda dengan purata berumur 27 tahun. Daripada itu, umur yang masih/ sedang belajar iaitu 15-24 tahun (48.6%) dan kategori umur yang baru menceburi sektor pekerjaan iaitu 25-29 tahun (21.9%). Umumnya, lingkungan umur ini sangat aktif terlibat dengan mobiliti kerana faktor keinginan mendapatkan peluang pendidikan dan pekerjaan yang lebih baik. Maka, penghijrahan keluar adalah menjadi suatu keputusan yang agak sukar yang harus dihadapi untuk mencapai cita-cita dan kepuasan hidup.

Jadual 9. Ciri-ciri ahli isi rumah yang terlibat dengan migrasi keluar

Demografi/ Sosio-Ekonomi		%
Gender	Lelaki	51.4
	Perempuan	48.6
Etnik	Melayu	91.7
	Cina	8.3
Lingkungan umur	15-19 tahun	14.4
	20-24 tahun	34.2
	25-29 tahun	21.9
	Purata = 29 tahun	
Taraf perkahwinan	Bujang	57.6
	Berkahwin	42.4
Tahap pendidikan	Diploma	37.5
	SPM/STPM/STAMP	26.4
	Ijazah Sarjana Muda	22.9
Tempoh migrasi	1-2 tahun	39.0
	3-4 tahun	32.9
	Purata = 4.2 tahun	
Tempat migrasi	Dalam kawasan ECER	36.8
	Negeri lain di Malaysia	56.9
	Luar negara	6.3
Pekerjaan semasa	Pelajar/ suri rumah/ pesara	78.0
	Berniaga/ Usahawan	13.5
	Ahli pendidik	13.0
	Operator/ jurujual/ buruh	12.0
	Profesional	10.1

Didapati juga bahawa peratusan migran yang sudah berkahwin dan bujang adalah tidak jauh bezanya iaitu masing-masing 57.6% dan 42.4%. Ini kerana majoriti migran adalah pelajar/ baru sahaja tamat universiti iaitu 60.4%. Secara purata, tempoh mereka terlibat dengan migrasi ialah telah melebihi 4 tahun iaitu sesuai dengan tempoh pengajian di universiti khususnya di peringkat Diploma.

Kawasan-kawasan migrasi boleh dikategorikan kepada 3 kawasan iaitu migrasi di dalam kawasan ECER, migrasi keluar di negeri-negeri lain di Malaysia dan migrasi ke luar negara. Daripada 3 kategori ini, migrasi keluar ke negeri-negeri lain di Malaysia adalah majoriti iaitu 56.9%. Boleh dikatakan seluruh negeri di Malaysia adalah sebagai destinasi migrasi. Negeri-negeri migrasi utama termasuklah W.P. Kuala Lumpur, Selangor, Perak dan Kedah. Diikuti oleh migrasi di dalam kawasan ECER sebanyak 36.8% yang banyak bertumpu di Kuantan dan Pekan, Pahang. Jumlah migran yang membuat migrasi antarabangsa hanya 6.3% dan negara-negara luar yang menjadi destinasi seperti Singapura dan India.

Akhirnya, dari segi pekerjaan semasa migran, majoriti adalah pelajar/ suri rumah/ pesara iaitu 78.0%. Lain-lain jenis pekerjaan termasuklah bekerja sendiri (berniaga/ usahawan), ahli pendidik, operator/ jurujual/ buruh, dan ada di kalangan migran adalah ahli profesional seperti peguam, jurutera dan seumpamanya. Ciri-ciri pekerjaan ini dan ciri-ciri lain yang dibincangkan di atas menunjukkan bahawa migran merupakan satu kumpulan masyarakat yang ada motivasi, berpendidikan dan mempunyai keinginan yang tinggi untuk mengubah taraf kehidupan. Sifat-sifat ini yang membantu mereka boleh bertahan dan berjaya walaupun berada di luar dari tempat kelahiran asal.

Niat untuk membuat migrasi

Sebagai pelengkap kepada penelitian terhadap tingkah laku migrasi, semua responden, migran mahupun bukan migran diminta untuk menyatakan perancangan mereka di masa depan sama ada ingin kekal di tempat kediaman biasa sekarang ataupun sebaliknya. Jadual 10 menunjukkan bahawa majoriti responden iaitu 82.0% memilih untuk kekal menetap di kediaman sekarang. Mereka ini terdiri daripada responden yang tidak pernah melakukan migrasi (62.6%) dan 19.4% daripada kalangan migran. Ini menunjukkan bahawa mereka telah berasa selesa dan berpuashati serta mencapai kebahagiaan menetap di kediaman/ persekitaran kediaman sekarang.

Jadual 10. Perancangan masa depan berkaitan migrasi

	Status Migrasi Responden			Total
	Tidak Melakukan Migrasi	Migrasi Di Antara Kawasan-Kawasan ECER	Migrasi Dari Kawasan Luar ECER	
Ingin melakukan migrasi	28 7.8%	12 3.3%	25 6.9%	65 18.0%
Ingin kekal di tempat kediaman biasa sekarang	226 62.6%	30 8.3%	40 11.1%	296 82.0%
Total	254 70.4%	42 11.6%	65 18.0%	361 100.0%

Selebihnya hanya 18.0% responden sahaja yang berniat untuk melakukan migrasi di masa depan. Daripada jumlah itu, responden yang belum pernah terlibat dengan migrasi menyumbang 7.8% dan ianya tidak begitu ketara berbanding dengan responden yang pernah melakukan migrasi. Faktor-faktor utama yang mendorong niat mereka untuk melakukan migrasi untuk kali pertama mahupun secara berulang adalah dirumuskan seperti Jadual 11.

Jadual 11. Faktor-faktor utama yang mendorong niat migrasi

	Status Migrasi Responden			Total (%)
	Tidak Melakukan Migrasi (%)	Migrasi Di Antara Kawasan-Kawasan ECER (%)	Migrasi Dari Kawasan Luar ECER (%)	
(1) Peluang memiliki rumah/ Perubahan tempat kerja	26.2	10.8	20.0	56.9
(2) Peluang pekerjaan yang lebih baik	9.2	3.1	7.7	20.0
(3) Balik ke tempat asal (tempat kelahiran)	1.5	6.2	6.2	13.8
(4) Faktor keluarga	4.6	0.0	4.6	9.2
% Total	41.5	20.0	38.5	100.0

Merujuk Jadual 11, majoriti responden iaitu 56.9% menyatakan bahawa faktor peluang untuk memiliki kediaman/ perubahan tempat kerja adalah faktor yang paling utama. Diikuti oleh faktor untuk memperoleh peluang pekerjaan yang lebih baik (20.0%), kembali ke tempat asal (13.8%) dan faktor keluarga seperti mengikuti suami, menjaga ibu bapa dan seumpamanya sebanyak 9.2%. Faktor-faktor ini terutamanya faktor 1 dan 2 menunjukkan tujuan sebenar migrasi di kalangan responden khususnya dan penduduk di ECER umumnya adalah untuk mengubah taraf kehidupan yang lebih sempurna dan berkualiti di masa depan. Sehubungan itu, faktor-faktor ini harus diambil kira di dalam proses pembuatan keputusan perancangan bandar supaya segala keperluan migrasi dan penduduk keseluruhannya dapat dilunaskan secara lebih berkesan.

Perbincangan dan penutup

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dua perkara utama yang boleh dibawa perbincangan lanjut, iaitu:

- (a) Pola dan tren aliran migrasi bandar-bandar di kawasan-kawasan ECER; dan
- (b) Ciri-ciri migran di ECER serta hubungannya dengan tren pembangunan semasa di sana.

Berasaskan kepada dua bentuk analisis yang dilaksanakan iaitu analisis interaksi migrasi mengguna pakai MCM dan analisis data daripada soalselidik, didapati bahawa kawasan-kawasan ECER kini sedang mengalami fenomena migrasi masuk terutama dari kawasan Wilayah Lembah Klang dan negeri-negeri bersempadan seperti Johor. Mereka ini kebanyakannya bertumpu di kawasan-kawasan lebih maju yang berasaskan kepada industri pembuatan, minyak, gas dan petrokimia yang terletak di zon ekonomi utama ECER. Kawasan-kawasan lain yang berasaskan kepada pertanian dan pelancongan turut menerima migrasi tetapi belum ketara. Ini menjelaskan bahawa migrasi mempunyai hubungan rapat dengan faktor-faktor tarikan di dalam lingkungan kawasan pembangunan.

Dari segi ciri-ciri migran pula, sebahagian besar migran adalah terdiri dari golongan muda dari lingkungan umur 25-44 tahun dan sudah berkahwin. Mereka menceburi pelbagai sektor ekonomi terutama bidang perniagaan (bekerja sendiri) dan perkhidmatan. Walaupun mampu memperoleh pendapatan sekitar RM1501-RM3000 sebulan dan ke bawah, golongan ini berupaya memiliki rumah sendiri di kawasan-kawasan bandar dan pinggir yang dikenali sebagai migrasi bandar-bandar. Hal ini menjelaskan bahawa taraf hidup di ECER adalah masih rendah dan mampu memberikan kualiti hidup kepada penduduk khususnya migran. Maka, majoriti daripada migran telah lebih 9 tahun menetap di ECER. Impak projek-projek ECER turut mempengaruhi jumlah menarik migrasi masuk ke ECER.

Daripada analisis soalselidik mendapati bahawa terdapat ahli-ahli isi rumah di ECER yang terlibat dengan migrasi keluar tetapi peratusannya amat rendah. Mereka ini adalah terdiri daripada golongan umur yang masih belajar dan baru menceburi bidang pekerjaan. Situasi ini, secara umumnya turut berlaku di bandar-bandar besar seperti di Metropolis Kuala Lumpur. Ini kerana faktor migrasi amat unik dan ianya bersifat kumulatif yang bertujuan untuk mencari kepuasan dan kesejahteraan hidup. Maka, ia perlu ditangani melalui strategi-strategi perancangan pembangunan ke arah mengelak berlakunya migrasi penduduk keluar yang lebih besar. Penduduk adalah sumber tenaga utama serta menjadi pemangkin terhadap perkembangan ekonomi, sosial dan fizikal yang harus diberikan penekanan utama. Maka, strategi-strategi utama harus bertumpukan kepada penwujudan peluang-peluang ekonomi dan pekerjaan melalui 'catalyst' di samping mewujudkan persekitaran kediaman yang lebih berdaya huni (liveable). Keadaan persekitaran pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial yang berdaya maju serta mapan bukan sahaja boleh menghalang migrasi keluar, malahan akan menarik lebih ramai migrasi masuk. Seterusnya akan merencanakan lagi aktiviti-aktiviti pembangunan yang melonjakkan meningkatkan taraf urbanisasi. Sebagai sebuah wilayah ekonomi yang sedang membangun, kawasan-kawasan di ECER dijangkakan bakal menerima jumlah migrasi bandar-bandar yang lebih tinggi di masa depan sama ada oleh penduduk baharu mahupun migran yang akan kembali ke tempat asal (origin).

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atas membiayai penyelidikan yang bertajuk “*Characterisation of demographic transition in corridor economic regions*”. Analisis data soalselidik adalah diambil dan diolah daripada data penyelidikan tersebut.

Rujukan

- Clemens MA, Ozden C, Rapoport H (2014) Migration and development research is moving far beyond remittances. *World Development* **64**, 121–124.
- Drakakis-Smith D (2000) *Third World Cities*. Routledge, London.
- Dustmann C, Fadlon I, Weiss Y (2011) Return migration, human capital accumulation and the brain drain. *Journal of Development Economics* **95**, 58-67.
- Katiman R, Mohd Fuad MJ, Aishah M (2010) Migrasi keluar dan rebakan bandar: bukti di pinggiran wilayah metropolitan Lembah Klang, Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities (e-Bangi)* **5**(2), 184-198
- Malaysia (2004) *Population and housing census of Malaysia 2000: Migration and population distribution*. Department of Statistics Malaysia, Putrajaya.
- Malaysia (2014) *Population and housing census of Malaysia 2010: Migration and population distribution*. Department of Statistics Malaysia, Putrajaya.
- Mohd Fadzil AR (2010) Spatial modelling for distribution of migration potential in Klang Valley Region. (PhD dissertation). Universiti Teknologi MARA, Shah Alam.
- Mohd Fadzil AR (2012) Migration behaviours as to gain for the satisfaction in life: An empirical study. *Proceeding of the 9th Regional Symposium of the Malay Archipelago*, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia.
- Mohd Fadzil AR, Mohd Roswodi MZ, Norhazlan H (2012) Pola dan penyerakan migrasi di negeri Perak dari 1980-2000 dan penelitian awal implikasinya. *Prosiding of the 1st International Conference on Innovation and Technology for Sustainable Built Environment (ICITSBE)*, Universiti Teknologi MARA (Perak), Malaysia.
- Mohd Fadzil AR (2013) Tingkah laku migrasi sebagai satu masalah keputusan: Penyelesaian berasaskan kepada AHP. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Geografi dan Alam Sekitar Ke-4*, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia.
- Mohd Fadzil AR, Ishak AG (2014) Measuring spatial migration focusing In Klang Valley, Malaysia. *ESTEEM Academic Journal* **10**(2), 83-97.